

SENIBENA  
RUMAH TRADISIONAL NEGERI TERENGGANU

Kerja Kursus ( Final Study ) ini  
dikemukakan kepada Jabatan Senibena  
Perancangan Dan Ukur Institut  
Teknologi Mara bagi memenuhi sebahagian  
daripada syarat-syarat Diploma Senibena  
untuk matapelajaran 'History Of Arch.'

Disediakan oleh:

Nama : Nik HazarulHisham B.A.Hamid  
I/C. ITM : 85110013  
Kursus : Dip. Senibena.  
Tahun/Sem. : 4/08

Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Sel.

PENGHARGAAN

Melalui catitan ini kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terimakasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam menyiapkan thesis ini.

Pertama sekali ucapan ditujukan kepada pensyarah yang bertugas iaitu Encik Ghani Desa, yang telah memberikan bimbingan dan tunjukajar dalam menjayakan projek ini.

Tidak lupa juga kami ingin merakamkan ucapan terimakasih kepada seluruh penduduk Kampong Atas Tol, Kampong Bata, Kampong Kedai Buloh serta beberapa kampung lain yang sama-sama melibatkan diri dalam kajiselidik yang kami lakukan. Begitu juga pihak Bank Bumiputra, Perbadanan Pelancongan Malaysia, Muzium Negara dan kepada semua pihak yang tidak dapat dicatatkan nama mereka disini.

Terima Kasih.

( Nik Hazarul Hisham B.A.Hamid )

ISI KANDUNGAN.

Mukasurat

I. BAB SATU.

Pendahuluan. 1

Abstrak. 2

II. BAB DUA.

Jenis-jenis Rumah Tradisional 4

III. BAB TIGA.

Perkembangan Membina Rumah 8  
Tradisional.

IV. BAB EMPAT.

Alat mengukir. 19

V. BAB LIMA.

Sejarah pembinaan Istana Tg. Nik. 22

Istana Tengku Nik. 61

Rumah Tele di Kampong Atas Tol. 74

Kajiselidik terdapat rumah tradisional

lain yang ada di Trengganu. 91

VI. BAB ENAM.

Bangunan moden hari ini yang masih 100

menggunakan unsur-unsur tradisional.

KESIMPULAN. 105

Abstrak.

Rumah mempunyai maksud yang berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Tetapi bagi semua manusia rumah pada asasnya tempat berlindung dari hujan dan panas dan tempat berehat yang paling istimewa pernah dicipta manusia sejak zaman berzaman lagi.

Oleh sebab rumah merupakan tempat berteduh yang paling selesa manusia menciptanya begitu rupa hingga ia menjadi satu bentuk yang menarik dipanggil senibina.

Orang-orang Melayu mempunyai senibinanya sejak zaman bersamaan lagi. Diantara sebuah negeri dengan yang lain berbeza pula bentuk bangunannya.

Misalnya bagi rumah-rumah tradisional di Negeri Sembilan dan Melaka kebanyakannya berbentuk tanduk seperti yang terdapat didaerah Minagkabau. Ini adalah disebabkan adanya perhubungan dari segi sejarah politik dan ekonomi diantara kedud-dua negeri tersebut dengan negeri-negeri dipantai Barat Sumatra.

## PENDAHULUAN

Sesungguhnya senibina bukan hak milil satu bangsa saja di dunia. Seperti halnya dengan seni-seni yang lainnya mempunyai oleh tiap-tiap bangsa yang hidup bertamadun dan berkebudayaan.

Yang amat membezakan karya-karya seni satu-satu bangsa itu ialah bentuknya, coraknya, bunyi-bunyianya dan caranya. Dari bunyi yang berlainan, dari corak yang tersendiri, bentuknya yang mempunyai keistimewaan itulah yang dapat menggambarkan rupa seni tiap bangsa di dunia ini.

Malaysia juga tidak lepas dari mempunyai perbedaan kesenian yang kaya dan boleh dibangga yang mempunyai lambang dan keagongan yang tersendiri.

Paling istimewa sekali senibina tradisional ini telah mula mendapat tempat dikebanyakkan orang samada pelancong-pelancong dalam dan luar negeri. Salah satu sebabnya ialah kehalusan seni ukirnya, daya cipta pembinaan yang kreatif serta faktor-faktor lain yang tidak terdapat dalam senibina sekarang.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa negeri-negeri lain terkenal dengan senibina tradisionalnya yang tersendiri seperti Sarawak dengan rumah panjangnya, Negeri Sembilan dengan rumah Minangkabaunya dan Melaka dengan rumah Cina Melakanya. Begitu juga Trengganu mempunyai ciri-ciri rumah tradisionalnya sendiri yang patut dibanggakan.